

NAMA:

KELAS:

2.2.1 Membaca untuk memahami makna rangkai kata yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat



Jana Tenaga, Jimat Wang

Membaca



Aktiviti

1. Baca dan fahami kesemua bahan. Kemudian, kenal pasti maksud perkataan dan rangkai kata yang sukar dengan merujuk kamus atau glosari.
2. Tulis berita tentang biojisim dengan memasukkan perkataan dan rangkai kata dalam bahan.

TEMA 16

Pelestarian Alam

Tenaga Biojisim

Negara kita kaya dengan pelbagai tumbuhan sama ada yang tumbuh secara semula jadi ataupun yang ditanam secara komersial. Tumbuh-tumbuhan ini mampu menghasilkan tenaga yang boleh diperbaharu yang dinamai tenaga biojisim.

Tenaga biojisim ialah tenaga yang dijana daripada pereputan benda-benda hidup. Bahan-bahan ini boleh digunakan sama ada sebagai bahan api atau bahan bakar dalam industri. Penggunaan tenaga biojisim ini mampu mengurangkan kesan rumah hijau sekali gus membantu melestarikan alam sekitar.

Oleh sebab tumbuh-tumbuhan mampu menghasilkan tenaga biojisim, pelbagai usaha telah dilakukan untuk menukarkan sisa atau bahan buangnya kepada tenaga biojisim.

Selain teknologi biojisim, salah satu cara yang paling mudah untuk memanfaatkan tenaga daripada pelbagai tumbuhan ini adalah melalui teknik pengkomposan yang semakin popular pada masa ini.

1



Sisa biojisim nanas yang terdiri daripada batang, akar dan daun ditukarkan menjadi arang teraktif melalui kaedah pengaktifan kimia.

(Sumber: <http://www.mptb.gov.my/arang>)

2



Jerami padi dijadikan baja kompos. Sekam dan jerami padi dijadikan bahan api untuk memanaskan dandang pada loji jana kuasa tenaga.

(Sumber: <http://puspatani.blogspot.my>)

a) Padankan istilah dengan maksud yang betul

ISTILAH
tenaga
biojisim
komersial
lestari
teknologi
kompos
jerami
sekam
dandang
popular

MAKSUD
Bidang perdagangan
Kekal dan tidak berubah
Kebolehan atau keupayaan untuk membuat kerja.
Kulit padi
Bahan organik yang telah terurai dan dikitar semula sebagai baja dan pinda tanah.
Jumlah jisim organisma yang terdapat pada sesuatu kawasan
Rekaan sesuatu kemudahan atau infrastruktur yang disandarkan kemajuan dalam bidang sains dan kebolehan seseorang untuk mencipta.
Batang padi yang sudah kering yang padinya sudah dituai
Tangki tempat air yang dipanaskan untuk mengeluarkan wap enjin
Digemari atau disukai ramai

b) Bina ayat daripada perkataan berikut.

Perkataan	Ayat
Popular	
Loji	
Teknologi	
Lestari	
Tenaga	